

UMS-DBKK jayakan Seminar Pelancongan Komuniti

NST 1-2-2018 6

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), dan Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Seminar Pembangunan Produk Pelancongan 2018 di Kampung Kobuni, Inanam baru-baru ini.

Pengerusi seminar merangkap Pensyarah Kanan FPEP UMS, Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul berkata, seminar anjuran bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) itu bersempena program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi Pelancongan Berasaskan Komuniti di sekitar bandaraya Kota Kinabalu.

"Kampung Kobuni menjadi tumpuan sebagai salah satu tapak pelancongan komuniti yang baharu dan berpotensi di Kota Kinabalu.

Justeru, seminar tersebut dianjurkan untuk membantu masyarakat setempat menyusun

strategi perancangan dan pembangunan pelancongan mereka," katanya ketika ditemui media selepas seminar itu.

Menurut Dr. Awangku Hassanal, walaupun pelancongan di Kampung Kobuni masih berada di peringkat awal, namun ia telah menerima kehadiran ramai pengunjung terutamanya pelajar sekolah dari seluruh negara di samping telah dinobatkan sebagai penerima 'Anugerah Desa Sejahtera' peringkat daerah pada 2014.

"Pada tahun lalu, Kampung Kobuni juga memenangi Anugerah Kampung Terbersih pada pertandingan Kampung Bebas Sampah anjuran DBKK," katanya.

Sementara itu, Pengarah Ekonomi, Pelancongan dan Biro Hubungan Antarabangsa DBKK, Fauziahton Awang Samad berharap seminar itu mampu membantu penduduk setempat memajukan lagi sektor pelancongan di kampung tersebut.

but.

"Saya juga berterima kasih kepada UMS dan berharap agar universiti ini terus menyokong pelancongan berasaskan komuniti di Kota Kinabalu melalui program-program seumpama ini," ujarnya.

Pada seminar berkenaan, Dr. Awangku Hassanal bersama dua lagi Pensyarah Kanan Program Pengurusan Pelancongan UMS; Dr. Tini Maizura Mohtar dan Kamarul Mizal Marzuki berkongsi idea serta membantu masyarakat setempat dalam merancang dan membentuk pelancongan di kampung tersebut.

Seminar sehari itu disertai seramai 30 penduduk Kampung Kobuni.

Majlis perasmianya disempurnakan Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Negeri Sabah, Ag. Ahmad Zaki Abu Bakar. -OLEH MARRYAN RAZAN



AHLI jawatankuasa pengajur dan para peserta bergambar bersama.